**PUNCAK NIAGA**

# PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

(Company No. 416087-U)
(Incorporated in Malaysia)

## NOTICE OF 22ND ANNUAL GENERAL MEETING

**NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Twenty-Second (22nd) Annual General Meeting of Puncak Niaga Holdings Berhad (416087-U) will be held at Concorde I, Level 2, Concorde Hotel Shah Alam, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan on Tuesday, 28 May 2019 at 9.30 a.m. for the following purposes:-**

**AS ORDINARY BUSINESSES**

1. To receive the Audited Financial Statements of the Group and of the Company for the financial year ended 31 December 2018 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon.

2. To re-elect the following Directors of the Company who retire by rotation pursuant to Rule 100 of the Company's Constitution:-

   (a) YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail **Resolution 1**
   (b) YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak **Resolution 2**

3. To re-elect the following Directors of the Company who retire pursuant to Rule 105 of the Company's Constitution:-

   (a) YBhg Dato' Yusof Bin Badawi **Resolution 3**
   (b) YBhg Dato' Zainal Abidin Bin Salleh **Resolution 4**

4. To approve the Independent Non-Executive Directors'/Non-Executive Director's remuneration with effect from 28 May 2019 until the next Annual General Meeting of the Company. **Resolution 5**

5. To re-appoint KPMG PLT as the Auditors of the Company for the ensuing year and to authorise the Directors of the Company to fix their Remuneration. **Resolution 6**

**AS SPECIAL BUSINESSES**

To consider and, if thought fit, to pass the following Resolutions:-

6. **Special Resolution 1**
   **Proposed Amendments to the Constitution of the Company (Proposed Amendments)**

   "**THAT** the proposed amendments to the Constitution of the Company as set out in Appendix I of the Annual Report 2018 (Proposed Amendments) be and are hereby approved and adopted **AND THAT** the Board of Directors of the Company be and is hereby authorised to assent to any conditions, modifications and/or amendments as may be required by any relevant authorities, and to do all such acts and things and take all such steps as may be considered necessary to give full effect to the Proposed Amendments, for and on behalf of the Company." **Resolution 7**

7. **Ordinary Resolution 1**
   **Continuing In Office As Independent Non-Executive Director**

   "**THAT** authority be and is hereby given to YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak who has served as an Independent Non-Executive Director of the Company for a cumulative term of more than nine (9) years, to continue to act as an Independent Non-Executive Director of the Company and to hold office until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company." **Resolution 8**

8. To transact any other ordinary business of which due notice shall have been given.

**FURTHER NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT** for the purpose of determining a member who shall be entitled to attend this 22nd Annual General Meeting, the Company shall be requesting Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (Bursa Depository) in accordance with Rule 62 of the Company's Constitution and Section 34(1) of the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991 (SICDA) to issue a General Meeting Record of Depositors (ROD) as at 17 May 2019. Only a depositor whose name appears on the ROD as at 17 May 2019 shall be entitled to attend the 22nd Annual General Meeting or appoint proxy/proxies to attend and/or vote on his/her behalf.

**BY ORDER OF THE BOARD**

**TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)**
**LIM SHOOK NYEE (MAICSA 7007640)**
**LEE SIEW YOKE (MAICSA 7053733)**
**Secretaries**

Shah Alam
30 April 2019

**Notes:-**

1. A Member entitled to attend and vote at the Meeting is entitled to appoint another person to attend and vote in his stead.

2. A proxy need not be a Member of the Company. There shall be no restriction as to the qualification of the proxy.

3. A Member shall not be entitled to appoint more than two (2) proxies to attend and vote at the Meeting provided that:-

   (a) where a Member is an authorised nominee as defined in the Central Depositories Act, it may appoint up to two (2) proxies in respect of each Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Securities Account.

   (b) where a Member is an exempt authorised nominee which holds ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one securities account namely, Omnibus Securities Account, there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each Omnibus Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Omnibus Securities Account.

   Where a Member appoints two (2) or more proxies (as the case maybe), the appointments shall be invalid unless he specifies the proportions of his holdings to be represented by each proxy.

4. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or his attorney duly appointed under a power of attorney or if such appointer is a corporation, either under its common seal or under the hand of an officer or attorney duly appointed under a power of attorney. If this Proxy Form is signed under the hand of an officer duly authorised, it should be accompanied by a statement reading "signed as authorised officer under an Authorisation Document which is still in force, no notice of revocation having been received". If this Proxy Form is signed under the attorney duly appointed under a power of attorney, it should be accompanied by a statement reading "signed under a power of attorney which is still in force, no notice of revocation having been received". A copy of the Authorisation Document or the power of attorney, which should be valid in accordance with the laws of the jurisdiction in which it was created and is exercised, should be enclosed with this Proxy Form.

5. Any corporation which is a Member of the Company may by resolution of its Directors or other governing body authorise such person as it thinks fit to act as its representative at the Meeting in accordance with Rule 85 of the Company's Constitution.

6. The instrument appointing the proxy must be deposited at the Office of the Company's Share Registrar, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd at Unit 32-01, Level 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur or alternatively, Tricor Customer Service Centre, Unit G-3, Ground Floor, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time set for holding the Meeting or any adjournment thereof or in the case of a poll, not less than 24 hours before the time appointed for the taking of the poll, and in default the instrument of proxy shall not be treated as valid.

7. Pursuant to Paragraph 8.29A(1) of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, all resolutions set out in the Notice of the 22nd Annual General Meeting will be put to vote by poll.

8. **Audited Financial Statements of the Group and of the Company for the financial year ended 31 December 2018**

   The audited financial statements are for discussion only under Agenda 1, as they do not require shareholders' approval under the provisions of Section 340(1)(a) of the Companies Act, 2016. Hence, they will not be put for voting.

9. **Resolution 5 : Agenda 4 – Approval of the Independent Non-Executive Directors'/Non-Executive Director's remuneration**

   Section 230(1) of the Companies Act, 2016 provides amongst others, that "the fees of the directors, and any benefits payable to the directors" of a listed company and its subsidiaries shall be approved at a general meeting.

   The Company is seeking the shareholders' approval on payment of the Independent Non-Executive Directors' (INEDs)/Non-Executive Director's (NED) remuneration up to the Annual General Meeting in 2020.

   The details of the proposed payment of remuneration under Resolution 5 are as set out below:-

| Puncak Niaga | | Monthly Allowance* (RM) | Chairman's Yearly Allowance* (RM) | Meeting Allowance* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Board | INEDs | 5,000 | N/A | 2,000 per each Board/Board Committee Meeting/ General Meeting and the adjourned meetings of the Company attended |
| | NED | 3,000 | N/A | |
| Board Committee | **Audit Committee** | | | |
| | Chairman | N/A | 24,000 | |
| | Member | N/A | N/A | |
| | **Remuneration Committee, Nomination Committee and Compliance, Internal Control & Risk Policy Committee** | | | |
| | Chairman | N/A | 8,000 for each Committee | |
| | Member | N/A | N/A | |

   *Notes:-*

   * *There has been no change to the remuneration payable to the INEDs and NED since 2013.*

   • *None of the INED's/NED's received any remuneration from the subsidiaries in their positions as Directors of the Company.*

   • *If approved by the shareholders, the remuneration framework will result in a projected INEDs'/NED's remuneration of RM662,000.00 for the period from 28 May 2019 to the next Annual General Meeting (AGM) in 2020 based on the assumption of the projected number of Board and Committee Meetings in 2019 to the next AGM and the appointment of two (2) additional INEDs in the second half of 2019.*

10. **Resolution 6 : Agenda 5 - Re-appointment of KPMG PLT as Auditors of the Company**

    Pursuant to Practice 8.3 Principle B (Effective Audit and Risk Management) of the Malaysian Code On Corporate Governance 2017, the Audit Committee, with the assistance of the Finance Division of the Company, has assessed the suitability and independence of KPMG PLT as the Auditors of the Company. The Audit Committee and the Board have recommended the re-appointment of KPMG PLT, who shall retire as Auditors of the Company at the 22nd Annual General Meeting of the Company and who have expressed their willingness to continue in office, to hold office as Auditors of the Company for the ensuing year until the conclusion of the next Annual General Meeting at a fee to be determined by the Board of Directors of the Company.

**Special Businesses**

11. **Resolution 7: Special Resolution 1 - Proposed Amendments to the Constitution of the Company (Proposed Amendments)**

    The proposed Resolution 7, if passed, will provide clarity and consistency of the existing Constitution of the Company with the provisions of the Companies Act, 2016 and the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad in relation to the issuance of notices to members of the Company.

12. **Resolution 8 : Ordinary Resolution 1 - Continuing In Office As Independent Non-Executive Director**

    The Nomination Committee of the Company and the Board of Directors of the Company had assessed the independence of YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, who has served as Independent Non-Executive Director of the Company for a cumulative term of eleven (11) years, and with his consent, whilst believing that he can continue to bring independent and objective judgement to Board/Committees deliberations, had recommended for him to continue to act as Independent Non-Executive Director of the Company based on the following justifications:-

    (a) He fulfils the criteria of the definition of Independent Director as stated in the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad and had expressed his willingness to continue in office as Independent Non-Executive Director of the Company and he does not hold executive position in the Company/Group nor is an officer of the Company/Group, nor is an adviser or consultant, etc before his Board appointment and is not a major shareholder, not a family member of any Executive Director, officer or major shareholders of the Company/Group as set out in Paragraph 5.4 of the Board Charter.

    (b) His vast experiences would enable him to provide the Board with a diverse set of experience, expertise and independent judgement to better manage and run the Group.

    (c) Notwithstanding that he has served the Company as Independent Director for a cumulative term of more than nine (9) years during which he had at all times acted in good faith and in the best interests of the Company, exercising his independent judgement during deliberations and decision making during the Company's Board Meetings, Board Committee Meetings and General Meetings and was familiar with the Company's business operations.

    (d) YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak had proven to be reliable Independent Director with his professionalism aptitude and outlook of business perspective, devoted sufficient time and attention to his professional obligations for informed and balance decision making and had also exercised due care during his tenure in the best interests of the Company and the shareholders.

    (e) YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak was able to devote sufficient time to discharge his fiduciary duties and responsibilities as Independent Director of the Company.

# PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

(No. Syarikat: 416087-U)
(Diperbadankan di Malaysia)

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-22

**Dengan Ini Dimaklumkan Bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Dua (Ke-22) Puncak Niaga Holdings Berhad (416087-U) Akan Diadakan Di Concorde I, Aras 2, Concorde Hotel Shah Alam, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Pada Hari Selasa, 28 Mei 2019 Pada Pukul 9.30 Pagi Untuk Tujuan-Tujuan Berikut:-**

**SEBAGAI URUSAN BIASA**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 berserta laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit yang berkenaan dengannya.

2. Untuk melantik semula para Pengarah Syarikat berikut yang bersara mengikut giliran menurut Peraturan 100 Perlembagaan Syarikat:-

   (a) YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail **Resolusi 1**
   (b) YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak **Resolusi 2**

3. Untuk melantik semula para Pengarah Syarikat berikut yang bersara menurut Peraturan 105 Perlembagaan Syarikat:-

   (a) YBhg Dato' Yusof Bin Badawi **Resolusi 3**
   (b) YBhg Dato' Zainal Abidin Bin Salleh **Resolusi 4**

4. Untuk meluluskan ganjaran para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Pengarah Bukan Eksekutif bermula 28 Mei 2019 hingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat tahun yang berikutnya. **Resolusi 5**

5. Untuk melantik semula KPMG PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 6**

**SEBAGAI URUSAN KHAS**

Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan wajar, meluluskan Resolusi-Resolusi berikut:-

6. **Resolusi Khas 1**
   **Cadangan Pindaan Kepada Perlembagaan Syarikat (Cadangan Pindaan)**

   "**BAHAWA** pindaan yang dicadangkan kepada Perlembagaan Syarikat seperti yang dinyatakan dalam Lampiran I Laporan Tahunan 2018 (Cadangan Pindaan) adalah dan dengan ini diluluskan dan diterima pakai **DAN BAHAWA** Lembaga Pengarah Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk memberi persetujuan kepada mana-mana syarat, pengubahsuaian dan/atau pindaan yang mungkin diperlukan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan, dan untuk melaksanakan semua tindakan dan perkara sedemikian dan mengambil semua langkah sedemikian yang dianggap wajar bagi perlaksanaan penuh kepada Cadangan Pindaan, untuk dan bagi pihak Syarikat." **Resolusi 7**

7. **Resolusi Biasa 1**
   **Terus Memegang Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif**

   "**BAHAWA** kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat bagi tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, untuk terus memainkan peranan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya." **Resolusi 8**

8. Untuk melaksanakan urusan-urusan biasa lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan.

**NOTIS SELANJUTNYA ADALAH INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan untuk menentukan seseorang ahli berhak untuk hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (Bursa Depository) berdasarkan Peraturan 62 Perlembagaan Syarikat and Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA) untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung (ROD) pada 17 Mei 2019. Hanya Ahli yang namanya tertera dalam ROD pada 17 Mei 2019 berhak untuk hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22 atau melantik proksi untuk hadir dan/atau mengundi bagi pihaknya.

**MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH**

**TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)**
**LIM SHOOK NYEE (MAICSA 7007640)**
**LEE SIEW YOKE (MAICSA 7053733)**
**Setiausaha-setiausaha**

Shah Alam
30 April 2019

**Nota:-**

1. Seseorang Ahli yang berhak hadir dan mengundi pada Mesyuarat berhak melantik seorang individu lain untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.

2. Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat. Tiada sebarang sekatan berkenaan kelayakan seseorang proksi.

3. Seseorang Ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat bagi pihaknya, kecuali jika:-

   (a) seseorang Ahli adalah penama diberi kuasa seperti yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti tersebut.

   (b) seseorang Ahli adalah penama diberi kuasa berkecuali yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisiari dalam satu akaun sekuriti, iaitu, Akaun Sekuriti Omnibus, tiada had bagi bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa berkecuali tersebut berhubung dengan setiap Akaun Sekuriti Omnibus yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti Omnibus tersebut.

   Jika seseorang Ahli melantik dua (2) atau lebih proksi (mengikut keadaan), pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi berkenaan.

4. Surat cara pelantikan seseorang proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakilnya yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, surat cara itu hendaklah di bawah meterai rasmi atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh seorang pegawai yang diberi kuasa, ia haruslah diiringi oleh kenyataan yang berbunyi "ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberikuasaan yang masih berkuatkuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh wakil yang di bawah surat kuasa wakil, ia haruslah diiringi oleh kenyataan yang berbunyi "ditandatangani di bawah surat kuasa wakil yang masih berkuatkuasa, dengan tiada notis pembatalan diterima.'' Sesalinan Dokumen Pemberikuasaan atau surat kuasa wakil yang sah mengikut undang-undang di mana ia dibuat dan dilaksanakan, hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Proksi ini.

5. Mana-mana perbadanan yang merupakan Ahli Syarikat, boleh, melalui resolusi para Pengarahnya atau badan pentadbiran yang lain, memberi kuasa kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk bertindak sebagai wakilnya pada Mesyuarat ini selaras dengan Peraturan 85 Perlembagaan Syarikat.

6. Surat cara pelantikan proksi perlu diserahkan ke Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd di Unit 32-01, Aras 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, atau alternatifnya, Tricor Customer Service Centre, Unit G-3, Aras Bawah, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau apa-apa penangguhannya atau jika berlakunya pengundian secara "poll", tidak kurang daripada 24 jam sebelum waktu yang dipilih untuk melakukan pengundian secara "poll", dan jika gagal, surat cara pelantikan proksi hendaklah dianggap sebagai tidak sah.

7. Menurut Perenggan 8.29A(1) Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, semua resolusi yang dibentangkan dalam Notis AGM ke-22 akan diletakkan untuk pengundian secara "poll".

8. **Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018**

   Penyata Kewangan Beraudit adalah untuk perbincangan sahaja di bawah Agenda 1, kerana ia tidak memerlukan kelulusan para pemegang saham di bawah peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat, 2016. Justeru itu, ia tidak akan diletakkan sebagai pengundian.

9. **Resolusi 5: Agenda 4 – Kelulusan bagi Ganjaran para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Pengarah Bukan Eksekutif**

   Sekyen 230(1) Akta Syarikat, 2016 antara lain mensyaratkan bahawa "yuran para pengarah dan sebarang manfaat yang perlu dibayar kepada para pengarah" bagi syarikat yang tersenarai dan subsidiarinya, hendaklah diluluskan pada mesyuarat agung.

   Syarikat memohon kelulusan para pemegang saham berkenaan pembayaran ganjaran para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (INEDs)/Pengarah Bukan Eksekutif (NED) sehingga Mesyuarat Agung Tahunan pada 2020.

   Maklumat lanjut mengenai cadangan pembayaran ganjaran di bawah Resolusi 5 adalah seperti yang dikemukakan di bawah:-

| Puncak Niaga | | Elaun Bulanan* (RM) | Elaun Tahunan Pengerusi* (RM) | Elaun Mesyuarat* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Lembaga Pengarah | INEDs | 5,000 | T/B | 2,000 untuk kehadiran pada setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah/ Jawatankuasa Lembaga Pengarah/ Mesyuarat Agung dan mesyuarat Syarikat yang ditangguhkan |
| | NED | 3,000 | T/B | |
| Jawatankuasa Lembaga Pengarah | **Jawatankuasa Audit** | | | |
| | Pengerusi | T/B | 24,000 | |
| | Ahli | T/B | T/B | |
| | **Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman & Dasar Risiko** | | | |
| | Pengerusi | T/B | 8,000 untuk setiap Jawatankuasa | |
| | Ahli | T/B | T/B | |

   *Nota:-*

   * *Tiada sebarang perubahan dalam ganjaran yang perlu dibayar kepada INEDs dan NED sejak 2013.*

   • *Tiada mana-mana INEDs dan NED menerima apa-apa ganjaran daripada subsidiari dalam kedudukan mereka sebagai Pengarah Syarikat.*

   • *Jika diluluskan oleh para pemegang saham, rangka kerja ganjaran akan menunjukkan ganjaran INEDs/NED sebanyak RM662,000.00 untuk tempoh bermula 28 Mei 2019 hingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat (AGM) tahun yang berikutnya pada 2020 berdasarkan andaian unjuran bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa pada 2019 sehingga AGM yang berikutnya dan pelantikan tambahan dua (2) orang INEDs pada setengah tahun kedua 2019.*

10. **Resolusi 6: Agenda 5 – Pelantikan Semula KPMG PLT sebagai Juruaudit Syarikat**

   Menurut Amalan 8.3 Prinsip B (Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017, Jawatankuasa Audit, dengan bantuan Bahagian Kewangan Syarikat, telah menilai kesesuaian dan kebebasan KPMG PLT sebagai Juruaudit Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah telah mengesyorkan pelantikan semula KPMG PLT, yang akan bersara sebagai Juruaudit Syarikat pada AGM ke-22 Syarikat dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan, untuk memegang jawatan sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya sehingga tamatnya AGM seterusnya dengan imbuhan yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

**Urusan Khas**

11. **Resolusi 7 : Resolusi Khas 1 - Cadangan Pindaan Kepada Perlembagaan Syarikat (Cadangan Pindaan)**

   Resolusi 7 yang dicadangkan, jika diluluskan, akan memberi penjelasan dan ketekalan terhadap Perlembagaan Syarikat yang sedia ada dengan peruntukan Akta Syarikat, 2016 dan Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad berhubung dengan pengeluaran notis kepada ahli-ahli Syarikat.

12. **Resolusi 8 : Resolusi Biasa 1 - Terus Memegang Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif**

   Jawatankuasa Pencalonan Syarikat dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai prestasi dan kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk tempoh terkumpul selama sebelas (11) tahun, dan dengan persetujuan beliau, dan percaya bahawa beliau boleh terus menyumbangkan pertimbangan yang bebas dan objektif kepada perbincangan Lembaga Pengarah/Jawatankuasa, telah mengesyorkan agar beliau terus memainkan peranan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat berdasarkan justifikasi berikut:-

   (a) Beliau memenuhi kriteria takrifan Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan telah menyatakan kesanggupan beliau untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan beliau tidak menyandang jawatan eksekutif dalam Syarikat/Kumpulan, juga bukan pegawai Syarikat/Kumpulan, juga bukan penasihat atau perunding, dan sebagainya, sebelum pelantikan sebagai Pengarah, dan beliau juga bukan pemegang-pemegang saham utama, bukan ahli keluarga mana-mana Pengarah Eksekutif, pegawai atau pemegang saham utama Syarikat/Kumpulan seperti yang dikemukakan dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga.

   (b) Pengalaman beliau yang luas akan membolehkan beliau menyumbang pelbagai pengalaman, kepakaran dan pertimbangan bebas kepada Lembaga Pengarah bagi membolehkan beliau mengurus dan mengendalikan Kumpulan dengan lebih baik.

   (c) Walaupun beliau telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, yang mana sepanjang jangka masa tersebut beliau telah berkhidmat dengan penuh keikhlasan dan demi kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas semasa proses perbincangan dan membuat keputusan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat, Mesyuarat Lembaga Jawatankuasa serta Mesyuarat Agung dan memahami operasi perniagaan Syarikat/Kumpulan.

   (d) YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang boleh dipercayai dengan memiliki kecenderungan untuk sesuatu sudut pandangan profesional terhadap perniagaan, dan telah menumpukan masa dan perhatian yang secukupnya terhadap kewajipan profesional beliau untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat dan pertimbangan yang seimbang dan turut menampilkan keprihatinan yang sewajarnya sepanjang tempoh beliau memegang jawatan, demi kepentingan Syarikat dan para pemegang saham.

   (e) YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak dapat menumpukan masa yang secukupnya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab fidusiari beliau sebagai Pengarah Bebas Syarikat.